

SIARAN MEDIA

BIMB HOLDINGS BERHAD ULANGI REKOD PENCAPAIAN CEMERLANG DENGAN PBZT TK2019 MENINGKAT 13.1% KEPADA RM1.2 BILION

SOROTAN UTAMA

- Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai ("PBZT") Kumpulan melonjak 13.1% kepada RM1.2 bilion.
- Pulangan Ekuiti Bersih ("ROE") sebanyak 15.7%.
- PBZT Bank Islam naik 4.1% kepada RM843.5 juta.
- PBZT Takaful Malaysia berkembang 23.9% kepada RM417.7 juta.

Kuala Lumpur, Khamis, 27 Februari 2020: BIMB Holdings Berhad ("BHB") sekali lagi mencatatkan rekod perolehan tahunan dengan PBZT Kumpulan mencecah RM1.2 bilion atau kenaikan sebanyak 13.1% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 ("FY2019"). Kedua-dua perniagaan perbankan Islam dan takaful masing-masing menunjukkan prestasi yang kukuh.

Perolehan sesaham BHB meningkat 44.75 sen berbanding 40.36 sen pada tahun kewangan sebelumnya. Pertumbuhan PBZT tersebut diterjemah kepada ROE sebanyak 15.7%, sementara Aset Bersih sesaham mengukuh kepada RM3.34 berbanding RM2.97 yang dicatatkan pada akhir Disember 2018.

Sepanjang tempoh tinjauan, keuntungan bersih boleh diagih kepada para pemegang saham meningkat sebanyak 15.4% atau RM104.8 juta kepada RM786.9 juta.

Pada 29 November 2019, Lembaga Pengarah BHB telah mengisytiharkan pembayaran dividen interim satu peringkat bernilai RM282.3 juta atau 16.0 sen bagi setiap saham biasa untuk FY2019. Daripada jumlah yang diisytiharkan, kira-kira 62.89% atau RM177.8 juta telah diagihkan sebagai dividen tunai. Manakala baki 37.11% yang berjumlah RM104.4 juta telah diagihkan melalui Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") pada kadar RM3.68 sesaham. Sejumlah 28,381,100 saham biasa baharu telah diterbitkan di bawah DRP.

Perbankan Islam

Kumpulan Bank Islam ("Bank Islam" atau "Bank") mencatatkan PBZT RM843.5 juta bagi FY2019, meningkat RM33.2 juta atau 4.1% berbanding tahun kewangan sebelumnya berjumlah RM810.3 juta.

Prestasi Bank yang kukuh sebahagian besarnya disumbangkan oleh jumlah pendapatan lebih tinggi susulan pertumbuhan pembiayaan bersih lebih teguh sebanyak 8.3%. Angka tersebut adalah lebih dua kali ganda berbanding purata pertumbuhan pembiayaan industri sebanyak 4.1% (Disember 2019), serta kenaikan 9.3% dalam sekuriti pelaburan. Di samping itu, pembiayaan bersih berada pada RM49.5 bilion, manakala sekuriti pelaburan adalah RM12.8 bilion.

Kualiti aset Bank juga kekal teguh dan berdaya tahan, seperti yang digambarkan oleh nisbah pembiayaan terjejas kasar yang rendah atau 0.86% pada akhir 2019. Ia lebih rendah berbanding 1.51% yang dicatat sistem perbankan pada akhir Disember 2019.

Setakat 31 Disember 2019, akaun deposit dan pelaburan ("IA") pelanggan berada pada RM57.6 bilion dengan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak RM2.6 bilion atau 4.7%. Akaun Semasa dan Simpanan ("CASA") dan nisbah Transaksi IA adalah 32.7%.

Kedudukan modal Bank juga kekal sihat untuk terus mendorong pertumbuhan perniagaan dengan Nisbah Jumlah Modal sebanyak 18.7% setakat 31 Disember 2019.

Sektor perbankan Islam di Malaysia kini berhasrat untuk melangkaui pertumbuhan kuantitatif bagi meneroka potensi pembangunan kualitatif menerusi pengenalan Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") pada tahun 2017, satu inisiatif di mana institusi-institusi perbankan Islam mengubah aktiviti perniagaan masing-masing bagi membolehkan penghasilan impak positif dan lestari kepada komuniti, ekonomi dan alam sekitar.

Sehubungan itu, pelan strategik Bank Islam bagi tempoh tiga tahun akan datang adalah memberikan prestasi mampan dengan tumpuan menyokong ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Hala tuju korporat Bank ini adalah berdasarkan Perantaraan Berasaskan Nilai (VBI), yang juga asas model perniagaan Bank. Dengan Prinsip Syariah/Halal dan Diyakini menjadi ciri-ciri utama, Bank Islam meneruskan usaha melaksanakan prinsip-prinsip VBI seperti Tiga Teras Asas (*Triple Bottom Line* – "TBL") yang terdiri dari manusia, planet dan kemakmuran. Bank Islam juga komited dalam menggalakkan kecekapan digital di kalangan warga kerjanya bagi mendepani perubahan-perubahan yang disebabkan oleh pendigitalan. Pendigitalan membolehkan Bank untuk menerapkan konsep rangkuman kewangan, seterusnya pertumbuhan inklusif sebagai salah satu fokus utama kami. Ia akan membolehkan Bank memperkenalkan produk-produk baharu dan inovatif serta memberikan khidmat digital untuk memenuhi kehendak sebahagian besar segmen pasaran, khususnya yang kurang mendapat liputan. Melalui pendigitalan, Bank boleh memberikan khidmat kepada semua pihak di sepanjang masa dimana jua mereka berada.

Takaful

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") merekodkan peningkatan PBZT 23.9% kepada RM417.7 juta bagi FY2019, berbanding RM337.0 juta pada tahun sebelumnya. Pencapaian ini diraih menerusi fi wakalah bersih yang lebih tinggi susulan pengukuhan perniagaan Takaful Keluarga serta kenaikan dalam pendapatan bersih pelaburan.

Pendapatan operasi Takaful Malaysia meningkat sebanyak 18.4% kepada RM3.1 bilion pada FY2019. Peningkatan tersebut sebahagian besarnya disumbangkan oleh jualan lebih tinggi yang dijana oleh perniagaan Takaful Keluarga.

Perniagaan Takaful Keluarga menjana sumbangan perolehan kasar bernilai RM2.0 bilion untuk FY2019, melonjak sebanyak 27.0%, berbanding RM1.6 bilion pada tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan itu sebahagian besar disebabkan oleh jualan lebih tinggi produk berkaitan kredit.

Bagi FY2019, perniagaan Takaful Am menjana sumbangan perolehan kasar RM706.2 juta, naik 3.0% berbanding RM685.8 juta yang dicapai tahun sebelumnya. Sebahagian besar pertumbuhan tersebut disumbangkan oleh perlindungan kelas kebakaran dan komersial.

Sungguhpun sentimen perniagaan kekal waspada dalam tahun 2020, namun, industri takaful dijangka mencapai prestasi yang lebih baik berbanding penyedia perlindungan konvensional, susulan permintaan kukuh pasaran terhadap produk-produk takaful.

Takaful Malaysia bersedia untuk terus memperluaskan lagi penguasaan pasarnya pada tahun 2020. Bagi mengekalkan kedudukan sebagai peneraju pasaran, syarikat akan meneruskan strategi-strategi inovatif menerusi pelaksanaan strategi digital, memperkenalkan penyelesaian-penyelesaian dalam talian, perluasan keupayaan pengagihan, menjalin perkongsian strategik dengan bank-bank Islam terkemuka dan mengadakan inisiatif kesedaran jenama.

Syarikat akan terus memperkukuh keupayaan pengagihan perniagaan Takaful Am, memandangkan terdapat potensi lebih besar untuk memperluaskan lagi penguasaan bahagian pasaran takaful dalam sektor insurans dan takaful. Bagi menyokong pertumbuhan perniagaan dan memberi tumpuan kepada pelanggan, syarikat akan meneruskan strategi digital untuk membina ekosistem digital sepenuhnya dan memperluaskan fokus perniagaan melangkaui perniagaan berkaitan kredit untuk menjangkau asas pelanggan runcit rakan niaga bank yang lebih luas.

Takaful Malaysia komited untuk terus rseponsif terhadap keperluan pelanggan dengan menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan perlindungan lebih baik yang boleh dipercayai serta meletakkan syarikat tersebut pada kedudukan lebih kukuh sebagai syarikat insurans pilihan.

Untuk maklumat lanjut berkenaan BHB, sila layari www.bimbholdings.com

Mengenai BIMB Holdings Berhad

BIMB Holdings Berhad ("BHB") adalah Syarikat Pemegang Kewangan Islam yang pertama yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. BHB diperbadankan di Malaysia pada 20 Mac 1997, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 16 September tahun yang sama. Anak-anak syarikat utama Kumpulan BHB merupakan pelopor dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam termasuk perbankan, takaful, dagangan saham, dan lain-lain perkhidmatan berkaitan iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan BIMB Securities Sdn. Bhd.

Dikeluarkan oleh : Komunikasi Korporat Kumpulan, BIMB Holdings Berhad

Pertanyaan :

Wan Norkhairi Wan Samad

Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
Bank Islam Malaysia Berhad
Aras 31, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2782 1232
Mobile: 019-339 4491
Faks: 03-2781 2998
Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my
Web: www.bankislam.com.my

Omar Atin

Penolong Timbalan Presiden, Perhubungan Awam
Komunikasi Korporat Kumpulan
BIMB Holdings Berhad
Aras 31, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2781 2943
Mobile: 019-391 9144
Faks: 03-2781 2998
Emel: omar@bimbholdings.com
Web: www.bimbholdings.com